



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP



Untuk Siaran Segera

Pfizer bekerjasama dengan Tokio Marine Life & MiCare Group untuk melancarkan iEMBRACE

- Kerjasama ini menggabungkan usaha tiga buah syarikat ini untuk meningkatkan akses kepada ubat-ubatan inovatif bagi pesakit kanser payudara metastatik (mBC).
- iEMBRACE merupakan program bantuan pesakit yang diusahakan oleh Pfizer dan Zuellig Pharma CareConnect untuk menyokong penerusan rawatan untuk pesakit HR+/HER2- mBC.
- Ramai pesakit mampu meneruskan kehidupan dengan produktif ketika menerima rawatan untuk mBC. Adalah penting untuk terus dikemas kini mengenai pilihan rawatan yang tersedia bersama pembekal perubatan anda dan ketahui lebih lanjut mengenai pilihan pembiayaan yang sedia ada seperti iEMBRACE.

KUALA LUMPUR, 15 Januari 2021 – Pfizer Malaysia, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (“Tokio Marine Life”) dan MiCare Group telah melancarkan iEMBRACE pada 7 Januari 2021, yang merupakan program bantuan pesakit untuk menyokong penerusan rawatan pesakit HR+/HER2- mBC. Program yang diusahakan oleh Pfizer dan Zuellig Pharma CareConnect ini akan membantu pesakit mBC menguruskan perbelanjaan perubatan mereka dengan lebih baik dan memberikan akses kepada ubat-ubatan yang inovatif.

Kanser payudara metastatik merupakan peringkat kanser payudara yang paling kronik di mana sel kanser mampu menular ke bahagian organ lain di dalam badan¹. Ia merupakan penyebab kematian disebabkan kanser yang kedua tertinggi di kalangan wanita pada hari ini². Di Malaysia, kos rawatan masih merupakan halangan utama yang dihadapi oleh pesakit untuk menerima rawatan untuk mBC. Kajian oleh “Breast Cancer Welfare Association Malaysia” pada September 2019 menunjukkan bahawa 80% responden merasakan bahawa kos rawatan merupakan halangan terbesar untuk pesakit yang menerima rawatan yang lebih efektif³.

Melalui kerjasama ini yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada ubat-ubatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan inovatif dengan kos yang berpatutan, pesakit mBC mampu menjalani kehidupan yang memuaskan dan produktif walaupun mereka-mengalami penyakit.

“Pfizer bukan saja menghasilkan rawatan yang inovatif, tapi juga memberikan komitmen untuk menyokong pesakit mBC sepanjang rawatan mereka termasuklah dari segi keperluan kewangan mereka. Kami memahami kerisauan pesakit mengenai kos ubat perskripsi mereka – beban kewangan bagi mereka yang

1. BreastCancer.org. Stages of breast cancer. Retrieved from: <http://www.breastcancer.org/symptoms/diagnosis/staging>. Last accessed on 4 Jan 2021.

2. National Cancer Institute. Cancer Stat Facts: Common Cancer Sites. Retrieved from <https://seer.cancer.gov/statfacts/html/common.html>. Last accessed on 4 Jan 2021.

3. Metastatic Breast Cancer Survey by Breast Cancer Welfare Association Malaysia, supported by Pfizer Malaysia. September 2019. Article from The Sun retrieved from <https://www.thesundaily.my/style-life/zest/embracing-life-YY1652032>. Last accessed on 4 January 2021.



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP



menghadapi mBC bukannya sesuatu yang boleh diambil ringan. Kami mahu memastikan rawatan efektif dapat diberikan kepada mereka yang memerlukannya,” kata Luksanawan Thangpaibool, Pengurus Negara, Pfizer Malaysia & Brunei.

Berdasarkan kajian tinjauan BCWA, selain daripada kemampuan kewangan, 70% responden merasakan bahawa kekurangan pengetahuan mengenai pilihan rawatan yang tersedia merupakan salah satu faktor utama yang menghalang pesakit mBC daripada mencari rawatan yang lebih efektif³. Oleh itu, kerjasama ini bertujuan untuk menggabungkan kekuatan semua pihak yang terlibat. Kepakaran Pfizer dalam penghasilan ubat-ubatan yang inovatif dapat menawarkan rangkaian pesakit yang lebih luas di Malaysia melalui program pesakit dan para pemegang polisi Tokio Marine Life dan juga rangkaian MiCare Group.

En. Toi See Jong, Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. Berkata, “Kami berbesar hati untuk berkerjasama dalam usaha tiga pihak ini untuk melancarkan program yang direka khas untuk memberi lebih nilai kepada pemegang polisi kami. Dengan iEMBRACE, kami mampu menyediakan rawatan dan ubat-ubatan yang inovatif dengan kos yang berpatutan.

Moses Hee, Naib Presiden Kanan CareConnet dan juga Ketua Pegawai Eksekutif MiCare Group berkata, “Kami teruja untuk bekerjasama dengan Pfizer dan Tokio Marine Life bagi membantu mengurangkan kos dan meningkatkan akses kepada rawatan penjagaan kesihatan untuk pesakit di Malaysia. Kolaborasi unik ini akan menggunakan kebolehan *Payor* dan *PatientCare* kami supaya pesakit kanser payudara mampu mendapatkan rawatan dengan mudah pada harga yang berpatutan. Kami berharap dapat mengembangkan tawaran ini untuk merangkumi sektor rawatan lain bagi memastikan semua pesakit dalam komuniti kami boleh mendapatkan rawatan yang mereka perlukan.”

Untuk maklumat lanjut mengenai iEMBRACE, sila rujuk ahli onkologi atau penyedia penjagaan kesihatan anda.

###

About Pfizer Inc.: Breakthroughs that change patients' lives

At Pfizer, we apply science and our global resources to bring therapies to people that extend and significantly improve their lives. We strive to set the standard for quality, safety and value in the discovery, development and manufacture of health care products, including innovative medicines and vaccines. Every day, Pfizer colleagues work across developed and emerging markets to advance wellness, prevention, treatments and cures that challenge the most feared diseases of our time. Consistent with our responsibility as one of the world's premier innovative biopharmaceutical companies, we collaborate with health care providers, governments and local communities to support and expand access to reliable, affordable health care around the world. For more than 170 years, we have worked to make a difference for all who rely on us. We routinely post information that may be important to investors on our website at www.pfizer.com. To learn more, please follow us on Twitter at [@Pfizer](https://twitter.com/Pfizer) and [@Pfizer_News](https://twitter.com/Pfizer_News), [LinkedIn](https://www.linkedin.com/company/pfizer), [YouTube](https://www.youtube.com/pfizer) and like us on Facebook at [Facebook.com/Pfizer](https://www.facebook.com/Pfizer).

About Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (“Tokio Marine Life”) has 70 years of presence in Malaysia and is financially strong with total assets of RM9.1 billion** as of 31 December 2019. Today, Tokio Marine Life is a member of Tokio Marine Group in Japan with more than 38,000 employees, 46,000 agents and operates in 483 cities in 38 countries worldwide. The core company of Tokio Marine Group,



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP



Tokio Marine & Nichido Fire is financially strong with asset worth more than USD208.5 billion and has a credit rating⁺ of A+ by Standard & Poor's Aa3 by Moody's and A++ (Stable) by A.M. Best.

About Zuellig Pharma: Making Healthcare More Accessible

Zuellig Pharma is one of the largest healthcare services groups in Asia and our purpose is to make healthcare more accessible. We provide world-class distribution, digital and commercial services to support the growing healthcare needs in this region. The company started almost a hundred years ago and has grown to become a US\$13 billion business covering 13 markets with 12,000 employees. We serve over 350,000 medical facilities and work with more than 1,000 clients, including the top 20 pharmaceutical companies in the world. More recently, we launched our Zuellig Health Solutions Innovation Centre to develop new services and address some pressing healthcare needs in Asia. Since then, our teams have been focused on creating data, digital and disease management solutions, supporting patients with chronic conditions and helping payors manage healthcare costs.

About MiCare Group

MiCare Group, a subsidiary of Zuellig Pharma, is a Third-Party Administrator (TPA) and Managed Care Organization (MCO) that also builds the connectivity applications and infrastructure for the exchange of transaction information through the Internet, linking up key players in the healthcare sector (doctors, patients, insurance companies, corporate & government organizations) to bring about a seamless and efficient management of healthcare services. MiCare has a membership size of more than 11 million members across 3 countries - Malaysia, Thailand & Philippines. We manage and administer medical claims for 40 insurers in Malaysia, Thailand & the Philippines with 6,500 corporate clients.

For media enquiries, please contact:

Ng Aik Kiat
Director, External EM Comms (Asia)
DID: +65 6403 8881
E-mail: AikKiat.Ng@pfizer.com